

20/06/1998

Parti `jaga Anwar' apabila PM ke luar negara

PRESIDEN Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, diberi jaminan bahawa setiap kali beliau berurusan di luar negara, anggota parti akan sentiasa `menjaga' timbalan presiden, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Wakil dari Terengganu, Datuk Abdul Rashid Ngah, berkata Perdana Menteri tidak perlu bimbang untuk meninggalkan negara kerana Umno ialah sebuah parti yang cukup kuat dan padu, daripada peringkat atas hingga ke bawah.

"Datuk Seri Presiden tidak usah bimbang, berjalanlah ke luar negeri. Dalam ucapan waktu taklimat (kepada perwakilan) baru-baru ini, beliau berasa bimbang untuk berjalan lagi ... Saya minta maaf kerana menyebut rahsia persidangan, tetapi kini ia sudah menjadi rahsia umum," katanya ketika membentangkan usul ucapan dasar presiden di perhimpunan agung parti itu, di sini semalam.

"Tinggallah kepada timbalan presiden untuk mentadbirkan parti dan tinggalkanlah kepada Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, anggota Majlis Tertinggi yang lain, saya dan saudari-saudari untuk menjaga timbalan presiden.

"Insya-Allah, orang kita ada di mana-mana, ada di Kuala Nerus, ada di Pulaui dan ada di Cheruk To'kun (di kawasan Parlimen Anwar)," katanya.

Menurutnya, Anwar yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno berjaya menunjukkan kemampuan dalam menangani setiap masalah yang berbangkit.

"Rekodnya sebagai pengerusi terlalu baik. Adakah ia akan dikekalkan sebagai pengerusinya? Jawabnya, kita patut kekalkannya di situ kerana kemampuannya menangani masalah," katanya.

Abdul Rashid juga meminta ahli Umno membina ketahanan dalaman dengan mengambil iktibar daripada perkembangan serantau supaya dapat menangkis sebarang usaha pihak luar untuk melemahkan kepemimpinan parti dan negara.

Menurutnya, tanpa perpaduan dan muafakat, negara tidak akan mampu menghadapi serangan halus itu.

Sehubungan itu, katanya, semangat perjuangan dan patriotisme yang dimiliki orang Melayu ketika menuntut kemerdekaan boleh menjadi benteng bagi ahli menghadapi serangan ekonomi dengan media asing itu.

(END)